



GARIS PANDUAN

PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA JUAL BELI

DAN

SURAT CARA PINDAH MILIK BAGI HARTA ALIH

1. PENGENALAN

1.1. Garis panduan ini dikeluarkan untuk menjelaskan pengenaan duti setem ke atas surat cara jual beli dan surat cara pindah milik bagi harta alih.

1.2. Harta alih adalah harta yang boleh dipindahkan atau dialihkan seperti loji, mesin, kenderaan, jentera, senjata, barang kemas dan sebagainya.

1.3. Subseksyen 21(1) Akta Setem 1949 (AS) memperuntukkan bahawa apa-apa surat cara kontrak atau perjanjian bagi:

- a) penjualan apa-apa hak atau kepentingan saksama (equitable estate or interest) atas apa-apa harta; atau
- b) penjualan apa-apa hak atau kepentingan (estate or interest) atas apa-apa harta

layak dikenakan duti ad valorem sebagai surat cara pemindahan atas jualan (conveyance on sale) menurut AS.

1.4. Walau bagaimanapun, terdapat surat cara kontrak atau perjanjian bagi penjualan apa-apa hak atau kepentingan (estate or interest) atas apa-apa harta yang tidak dikenakan duti ad valorem iaitu:

- a) tanah, tenemen, hereditamen atau tanah yang boleh dipusakai dan didaftarkan dalam geran (*lands, tenements, hereditaments or heritages*);
- b) harta yang terletak di luar Malaysia (*property locally situate out of Malaysia*) ;
- c) **barangan, barangan kilang atau dagangan (*goods, wares or merchandise*) ;**
- d) stok atau sekuriti boleh dipasarkan (*stock or marketable securities*); atau

e) mana-mana kapal atau kepentingan sebahagian, saham atau harta dalam atau berkenaan mana-mana kapal (*any ship or vessel, or part interest, share or property of or in any ship or vessel*).

1.5. Akta Setem 1949 sedia ada tidak mentafsirkan maksud barangan (*goods*). Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan melalui kes Havi Logistics (M) Sdn Bhd dan Pemungut Duti Setem, Rayuan Sivil No:01(f)-5-02/2024(W) telah memutuskan bahawa maksud *goods, wares or merchandise* yang tidak dikenakan duti ad valorem yang disebut dalam subseksyen 21(1) AS adalah merujuk kepada barang dagangan sahaja.

1.6. Sehubungan itu, surat cara jual beli bagi harta alih selain barang dagangan dianggap suatu pindah milik harta dan layak dikenakan duti ad valorem sebagai pemindahakan atas jualan menurut AS.

2. LAYANAN PENGENAAN DUTI

2.1. Surat cara jual beli harta alih boleh tertakluk kepada pengenaan duti ad valorem di bawah subbutiran 32(a), 32(aa), atau pengecualian di bawah perenggan (a), butiran 4, Jadual Pertama AS seperti berikut:

a) Duti ad valorem bagi pembayar duti warganegara Malaysia di bawah subbutiran 32(a), Jadual Pertama AS:

Perihal surat cara	Duti Setem Yang Sewajarnya
PEMINDAHAKAN, PENYERAHAKAN, PEMINDAHAN ATAU BIL JUALAN MUTLAK: Pemindahakan atas jualan mana-mana harta Harta tidak termasuk stok, syer, sekuriti boleh dipasarkan dan akaun boleh terima atau buku hutang yang dipindah milik dalam transaksi pemfaktoran.	Bagi setiap RM100 atau bahagian pecahan RM100 daripada amaun nilai balasan atau nilai pasaran, yang mana tinggi – (i) RM1.00 ke atas RM100,000 yang pertama; (ii) RM2.00 ke atas apa-apa amaun melebihi RM100,000 tetapi tidak melebihi RM500,000; (iii) RM3.00 ke atas apa-apa amaun melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM1,000,000; (iv) RM4.00 ke atas amaun melebihi RM1,000,000.

b) Duti ad valorem bagi pembayar duti bukan warganegara di bawah subbutiran 32 (aa), Jadual Pertama AS:

Perihal surat cara	Duti Setem Yang Sewajarnya
PEMINDAHAKAN, PENYERAHAKAN, PEMINDAHAN ATAU BIL JUALAN MUTLAK: Pemindahakan atas jualan mana-mana harta kepada syarikat asing atau orang yang bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap Harta tidak termasuk stok, sekuriti yang boleh dipasarkan atau akaun boleh terima dan buku hutang yang dipindah milik dalam transaksi pemfaktoran.	RM4.00 bagi setiap RM100 atau bahagian pecahan RM100 daripada amaun nilai balasan atau nilai pasaran, yang mana tinggi

- c) Pengecualian bagi surat cara jual beli barang dagangan daripada pengenaan duti adalah di bawah perenggan (a), butiran 4, Jadual Pertama AS:

Perihal surat cara	Duti Setem Yang Sewajarnya
PERJANJIAN ATAU MEMORANDUM PERJANJIAN yang dibuat secara bertulis sahaja, dan bukan sebaliknya dikenakan apa-apa duti khas, sama ada perjanjian atau memorandum perjanjian yang sama adalah bukti kontrak semata-mata atau diwajibkan ke atas pihak-pihak yang terlibat daripada ia menjadi surat cara bertulis:	RM10

Pengecualian

Perjanjian atau Memorandum:

- Untuk atau berhubung dengan jualan mana-mana barangan, barangan kilang atau barangan dagangan selain perjanjian sewa beli.

2.2. Pembayar duti perlu menentukan terlebih dahulu sama ada harta alih yang dijual adalah aset suatu perniagaan/individu atau barang dagangan.

2.3. Bagi harta alih yang bersifat **aset** suatu perniagaan/individu, maka:

- Surat cara jual beli tersebut layak dikenakan duti ad valorem di bawah subseksyen 21(1) AS sebagaimana perenggan 2.1(a) atau 2.1(b) di atas.
- Sekiranya tiada surat cara jual beli yang ditandatangani, maka surat cara pindah milik layak dikenakan duti ad valorem sebagaimana perenggan 2.1(a) atau 2.1(b) di atas.

- iii) Bagi senario transaksi yang melibatkan lebih daripada satu surat cara, sekiranya surat cara jual beli telah dikenakan duti ad valorem, maka duti tetap RM10 dikenakan ke atas surat cara pindah milik.

2.4. Sekiranya harta alih tersebut bersifat **barang dagangan** suatu perniagaan, maka:

- i) Surat cara jual beli harta alih dikecualikan duti. (Rujuk perenggan 2.1(c) di atas).
- ii) Surat cara pindah milik (sekiranya ada) layak dikenakan duti ad valorem. Kadar pengenaan duti adalah seperti mana yang dinyatakan dalam perenggan 2.1(a) atau 2.1(b) di atas.
- iii) Sekiranya tiada surat cara pindah milik, surat cara jual beli masih juga diberi pengecualian.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 6 November 2025

s.k.: LHDN.AG.BCD.600-1/10/3